

# MukaSeputak

E-mel: [berhencana@bh.com.my](mailto:berhencana@bh.com.my)

GHI diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur



**Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain**

# Proklamasi darurat Batu Sapi cegah pandemik COVID-19

Selaras kuasa diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 150, Yang di-Pertuan Agong semalam membuat proklamasi darurat di bawah Perkara 150(1) Perlembagaan Persekutuan.

Proklamasi dibuat selepas mempertimbangkan permintaan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, serta menerima sembah taklimat oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Pegamang Negara, Tan Sri Idrus Harun; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Ghani Salleh.

Berdasarkan kenyataan Datuk Pegeloh Bijaya Diraja Istana Negara, lanjutan daripada itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, memasyhurkan ordinan di bawah Perkara 150(2) untuk membatalkan proses pilihan raya di Parlimen Batu Sapi di Sabah, serta menangguhkannya ke suatu tarikh lain kelak.

Kenyataan Datuk Pegeloh Bijaya Diraja Istana Negara menunjukkan Seri Paduka bertuas hati bahawa wujud ancaman besar sekiranya pilihan raya kecil (PRK) ditruskan di Parlimen Batu Sapi.

Secalam 660 kes baharu COVID-19 dicatatkan di seluruh negara, dengan 387 direkodkan di Sabah sahaja. Pertambahan kes baharu harian itu menjadikan kumulatif 50,280 kes positif COVID-19 sehingga semalam.

Justeru, tidak hairanlah jika Yang di-Pertuan Agong memutuskan untuk memberi perkenan seperti proklamasi darurat seperti diminta Perdana Menteri.

Di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong mempunyai prerogatif untuk mengeluarkan proklamasi darurat jika ia diminta 'berpus hati' dengan satu daripada dua keadaan berikut.

Pertama, sedang berlaku darurat besar atau hampir berlaku dalam negeri yang boleh mengakibatkan implikasi ancaman keselamatan, manakala yang kedua berlakunya ancaman kehidupan, ekonomi, ketenteraman awam di dalam Persekutuan, atau manakala mana bagaiannya.

Memandang pilihan raya kali ini hanya membatalkan satu kawasan parlimen - berbeza dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah baru-baru ini, maka baginda hanya memperkenankan proklamasi darurat itu bagi parlimen berkenaan.

Pengalangan selepas PRN Sabah amat membimbangkan apabila merekodkan peningkatan mendadak seba-

nyak 148.4 peratus kes hanya selepas dua minggu daripada tarikh pembuangan undi.

Keputusan Yang di-Pertuan Agong pastinya meletakkan banyak pihak yang semestinya 'perlu' terbahagi dengan PRK Batu Sapi, sekiranya proses itu ditruskan.

Ini kerana suatu pilihan raya bukan sahaja membatalkan jumlah pengundi, bahkan jentera besar meliputi pejabat SPR, pekerja parti yang berbanding di lapangan termasuklah pemimpin parti yang akan berkempen buat calon masing-masing.

Satu perkara yang mungkin menjadi pengalaman baharu buat rakyat Malaysia, proklamasi darurat buat pertama kali dibuat bukan untuk menghadapi suasana tegang seperti ancaman komunis atau rusuhan kaum.

Proklamasi darurat kali ini bersifat pencegahan untuk mengelak berlaku ancaman besar kepada keselamatan rakyat.

Bagaimana jika PRK diadakan di Batu Sapi, seramai 32,962 orang pengundi berdaftar. Jika kesan PRN Sabah membina sejumlah kluster hingga mencatatkan angka seperti di lapangan, adalah tidak wajar risiko diambil untuk menruskan PRK Parlimen Batu Sapi.

Rakyat pastinya tidak perlu panik kerana sebab disyiharkan darurat kali ini ialah berhubung suatu pencegahan terhadap ancaman penularan wabak COVID-19.

Proklamasi darurat meskipun hanya terhad dalam kawasan parlimen berkenaan, pastinya membuka satu perspektif baharu buat rakyat Malaysia tentang darurat.

Darurat tidak semestinya dilihat kerana besarnya keadaan panik yang mengugra-bahakan negara atau manakala mana bahagian di dalamnya.

Darurat perlu dilihat dalam kerangka lebih besar sebagai satu mekanisme yang dibenarkan oleh undang-undang negara untuk mengelakkan risiko yang memberi ancaman besar terhadap keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman dalam negeri.

Tiada sesiapa boleh menafikan jika wabak COVID-19 tidak dikawal dengan ketat, maka kehidupan ekonomi rakyat bakal terjejas teruk. Malah, kita kini sudah berada di peringkat awal fasa itu atau mungkin lebih daripada itu.

Malaysia pernah mempunyai pengalangan di Sarawak dan Kelantan apabila darurat disyiharkan akibat keadaan politik di kedua-dua negeri

berkejaan.

Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang dan apa yang berlaku di Sabah bukanlah bertujuan untuk mengambil alih puuk kepemimpinan dalam negeri.

Pengalaman baharu di Sabah mungkin akan memberi ketibar jika darurat disyiharkan di mana-mana bahagian di Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di Parlimen Gerik di Perak atau Dewan Undangan Negeri (DUN) Bungey di Sabah yang masing-masing baru kehilangan wakil rakyatnya.

Bahkan darurat juga mungkin akan dilihat secara lebih terbuka untuk menguruskannya keadaan yang berlaku hari ini apabila Belanjawan 2021 masih dalam peringkat perbahasan.

Belanjawan 2021 dilihat sebagai penganalisis politik menghadapi cabaran besar yang berkemungkinan melibatkan jajak sukar untuk mendapat keburlan anggota Dewan Rakyat.

Baru-baru ini, Menteri Kewangan membangkitkan kerisauan beliau jika Belanjawan 2021 gagal mendapat sokongan majoriti anggota Dewan Rakyat.

Perdana Menteri juga dilihat cuba bertolak ansur dengan tuntutan ag-

gota Dewan Rakyat supaya Belanjawan 2021 dapat diluluskan dengan jayanya tanpa dijadikan medan ujian demi agenda politik kepartian.

Sejauh mana perubahan sikap rakyat Malaysia terhadap darurat sebagai satu mekanisme untuk menguruskannya itu semestinya mungkin boleh dilihat selepas ini.

Pada masa sama, risiko dari sudut pelaburan pihak luar mungkin tidak bopora berbangkit kerana dunia luar juga sedang menghadapi risiko yang sama akibat penularan wabak COVID-19.

Pesanan Yang di-Pertuan Agong supaya anggota Dewan Rakyat berusaha untuk mengesepi secepat bagi kelulusan Belanjawan 2021 tidak wajar dipandang ringan.

Seri Paduka pastinya mempunyai alasan kukuh untuk bertitik sedemikian. Ketika ini, kebijaksanaan barisan anggota Dewan Rakyat sedang diperhatikan rakyat.

Suma ada mereka boleh mengemukakan keprihatinan penunggu lantaran itu berlapang dada untuk membolehkan Belanjawan 2021 diluluskan, atau meneruskan agenda teresir masing-masing.

Yang pasti, mereka boleh memilih satu antara dua pilihan itu.

**Penulis adalah Pakar Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang (UMP).**

**Proklamasi darurat meskipun hanya terhad dalam kawasan parlimen berkenaan, pastinya membuka satu perspektif baharu buat rakyat Malaysia tentang darurat.**



## PETUNJUK :

- Parlimen Undi
- Jajin Raya
- Sempadan
- Sempadan Parlimen
- Sempadan DUN
- Sempadan DM